

## **Analisis Kesilapan Dan Strategi Pembelajaran Gender Gramatikal Bahasa Perancis**

*Hazlina Abdul Halim*  
[nina@fbmk.upm.edu.my](mailto:nina@fbmk.upm.edu.my)  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

### **ABSTRAK**

Kajian ini merupakan suatu analisis pemerolehan gender gramatikal bahasa Perancis dari sudut kesilapan aplikasi dan strategi pembelajaran pelajar bahasa Perancis sebagai bahasa asing. Makalah ini menyiasat tahap kepekaan dan aplikasi gender gramatikal bahasa Perancis oleh pelajar universiti. Kajian ini juga ingin mengenal pasti strategi yang digunakan oleh pelajar dalam pemerolehan gender gramatikal. Responden terdiri daripada 60 pelajar bahasa Perancis tahap pertengahan. Sebanyak 20 ayat yang mengandungi kosa kata yang telah dipelajari diberikan kepada responden untuk menguji kepekaan dan aplikasi gender bahasa Perancis. Analisis kesilapan menggunakan *Surface Strategy Taxonomy* oleh Dulay, Burt dan Krashen (1982) telah dilakukan dan dapatan menunjukkan pelajar mempamerkan kepekaan yang minimum terhadap gender yang dikaitkan dengan kata sendi. Pelajar juga mempunyai kesukaran untuk menghubungkan kata sifat dengan kata nama yang mempunyai gender, terutamanya apabila ia melibatkan kata nama tak bernyawa. Pengkaji mendapati kesilapan pemilihan, kesilapan pengurangan dan kesilapan penambahan oleh pelajar adalah disebabkan oleh ketidakpekaan dan ketidakfahaman mereka tentang gender dan aplikasinya. Beberapa strategi dikenal pasti telah digunakan oleh pelajar dalam mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam ayat yang mempunyai struktur gender gramatikal.

**Katakunci:** pemerolehan bahasa; gender gramatikal bahasa Perancis; bahasa Perancis; analisis kesilapan; strategi pembelajaran

## **French Grammatical Gender Error Analysis and Learning Strategies**

### **ABSTRACT**

This research is an analysis on the acquisition of French grammatical gender from the aspect of errors in its application and the learning strategies by learners of French as a foreign language. This research investigated the level of sensitivity and application of French grammatical gender by university students. The research was intended to identify strategies utilized by the students in acquiring the grammatical gender. The respondents were 60 intermediate level students who are learning French. A total of 20 questions with vocabularies that have grammatical gender and which have been learned were given to the respondents to examine their sensitivity to gender cues and their ability to apply the grammatical gender analysis. An error analysis using the Surface Strategy Taxonomy by Dulay, Burt and Krashen (1982) was conducted and the result showed that the students exhibited a low degree of awareness of gender associations to prepositions. The students

also had difficulties in associating the adjectives with gendered nouns, particularly when the adjectives involved inanimate objects. The researcher found that misselection, omission and addition of errors by the learners were due to their insensitivity and misunderstanding of the grammatical gender and its application. A few strategies were used by the learners in applying their knowledge in sentences with grammatical gender.

**Keywords:** acquisition; grammatical gender; French language; error analysis; learning strategies

## PENGENALAN

Gender gramatikal adalah pemberian atribusi kata nama kepada dua atau lebih kelas yang memerlukan jenis penyesuaian ke atas perkataan yang dihubungkan dengannya (Trask, 1997). SurrIDGE (1996) menyatakan gender gramatikal adalah satu pengkelasan kata nama kepada maskulin, feminin atau neutral. Dalam bahasa Perancis, kata nama hanya dikelaskan kepada maskulin dan feminin. Dalam pembelajaran bahasa Perancis, terdapat dua jenis gender yang dikenal pasti: gender natural atau *genus*, sebagai contoh *boy* dan *girl*, dan gender gramatikal. Gender gramatikal mengkelaskan kata nama menggunakan sistem formal (Konishi, 1991), di mana setiap kata nama mesti diletakkan di bawah pengkelasan gramatikal yang tertentu (Lyons, 1968). Selanjutnya, sistem ini memerlukan kesesuaian gender di antara kata nama, kata kerja dan artikel yang mengubahnya, dan kata sifat yang digunakan untuk dirujuk kepadanya (Penelope, 1990). Justeru itu, ia merupakan salah satu aspek kemahiran bahasa yang paling rumit dalam pengkelasan tatabahasa (Corbett, 1991). Berlainan dengan fungsi gender natural sebagai penunjuk jantina seseorang atau haiwan, pengkelasan gender gramatikal adalah arbitari dan tidak boleh diterangkan untuk objek tidak bernyawa. Adalah mustahil untuk mendapatkan suatu peraturan atau penjelasan kenapa sesuatu kata nama itu bergender *feminin* atau *maskulin*.

## GENDER GRAMATIKAL DALAM BAHASA PERANCIS

Bahasa Perancis adalah bahasa yang mempunyai gender gramatikal. Setiap kata nama dalam bahasa Perancis adalah tidak terkecuali mempunyai pengkelasan feminin atau maskulin. Ini berlawanan dengan bahasa-bahasa di Malaysia, iaitu bahasa Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris yang hanya mempunyai gender natural. Dalam bahasa-bahasa ini, gender digunakan dalam percakapan dan penulisan dengan merujuk kepada gender ganti nama (Ensiklopedia Wikipedia, 2001). Bagaimanapun, sesetengah kata sifat yang digunakan seperti *cantik* (bahasa Melayu), *beautiful* (bahasa Inggeris) atau 漂亮 (*piao liang*) dalam bahasa Cina adalah kata sifat yang dikaitkan hanya kepada gender natural yang tertentu. Kata sifat yang memperihal gender untuk bahasa Melayu, Inggeris dan Cina tidaklah begitu kompleks seperti bahasa-bahasa Eropah yang melibatkan penukaran bentuk kata pada ayat. Sebagai contoh :

JADUAL 1. Pengolahan gender yang digunakan dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina (diadaptasikan dari Ensiklopedia Wikipedia, 2001)

Bahasa	Ayat contoh	Penerangan
Bahasa Melayu	<i>Perempuan</i> itu <i>cantik</i> . <i>Lelaki</i> itu <i>tampan</i> .	Gender yang digunakan adalah gender natural iaitu <i>perempuan</i> dan <i>lelaki</i> . Ianya dikaitkan dengan kata sifat <i>cantik</i> dan <i>tampan</i> .
Bahasa Inggeris	That <i>lady</i> is <i>beautiful</i> . That <i>man</i> is handsome.	Gender yang digunakan adalah gender natural iaitu <i>lady</i> dan <i>man</i> . Ianya dikaitkan dengan kata sifat <i>beautiful</i> dan <i>handsome</i> .
Bahasa Cina	那个女孩儿很漂亮。 <i>Perempuan</i> itu <i>cantik</i> . 那个男孩儿很英俊。 That <i>man</i> is handsome.	Gender yang digunakan adalah gender natural iaitu 女孩 (perempuan) dan 男孩儿 (lelaki). Ianya dikaitkan dengan kata sifat 漂亮 (cantik) dan 英俊 (kacak).

Bagi ayat dalam bahasa Perancis pula, terdapat dua gender yang digunakan iaitu gender natural (contoh 1) dan gender gramatikal (contoh 2). Contoh ayat adalah seperti berikut:

1. *La dame est très belle*.  
Terjemahan: *Perempuan itu* sangat *cantik*.  
Gender yang digunakan adalah gender natural untuk *dame*, menggunakan artikel pasti *la*, dan kata sifat *belle* yang dikaitkan dengan kata nama *la dame* tersebut.
2. *La belle dame porte la robe verte foncée*.  
Terjemahan: *Perempuan cantik itu* memakai *pakaian* berwarna *hijau gelap*.  
Gender yang digunakan adalah gender natural untuk *la dame* dan kata sifat *belle*, sementara gender gramatikal yang digunakan adalah pada kata nama *la robe*, serta kata sifat *verte* dan *foncée* yang dikaitkan pada kata nama *la robe* tersebut.

Perbezaan inilah yang menyebabkan pelajar Malaysia mempunyai kesukaran untuk memahirkkan diri mereka dalam usaha menggunakan gender gramatikal yang sesuai. Masalah ini berpunca daripada bahasa ibunda (B1) dan bahasa kedua (B2) mereka yang tidak mempunyai langsung ciri gender gramatikal. Kesilapan sebegini berlaku berulang kali di dalam tugas dan esei pelajar bahasa Perancis. Perkara inilah yang mendorong pengkaji sebagai pengajar dan pembelajar untuk mengupas kesukaran yang dialami dalam pembelajaran bahasa Perancis, khususnya mengenai gender gramatikal.

#### KAJIAN LEPAS MENGENAI GENDER GRAMATIKAL

Dalam bahasa yang mempunyai sistem gender, gender gramatikal dikuasai oleh penutur asli bahasa tersebut tanpa suatu peraturan tertentu. Kajian telah menunjukkan yang penutur B1 tidak bergantung kepada kaedah hafalan untuk menghubungkan sesuatu gender kepada suatu kata nama yang tertentu. Penutur B1 telah memperkembangkan sensitiviti untuk menolong mereka membuat pemilihan gender yang betul (Levy, 1983). Penutur bahasa dengan sistem gender ini menguasai sistem tersebut secara natural tanpa memerlukan sebarang penjelasan yang eksplisit. Begitu juga dengan kanak-kanak yang mempelajari bahasa bergender. Menurut Franceschina (2005), pemerolehan gender gramatikal dalam B2 kanak-kanak adalah hampir sama dengan pemerolehan B1 beliau, walaupun dalam B1 kanak-kanak tersebut tiada sistem gender.

Ini berlainan dengan penutur B1 yang tidak mempunyai struktur gender gramatikal. Menurut Surridge (1993), apabila pelajar B1 tidak mempunyai struktur gender gramatikal dan mempelajari bahasa dengan struktur tersebut, mereka kerap menghadapi masalah untuk memahami dan mengaplikasikan unsur nahan gender dalam pertuturan dan penulisan mereka. Gender juga merupakan sesuatu yang sukar untuk dipelajari oleh penutur B2 yang B1nya adalah bahasa Inggeris (Surridge, 1993, hlmn. 77).

Pembelajaran gender gramatikal oleh pelajar Malaysia adalah masalah ketara dalam pembelajaran bahasa Perancis (Hazlina Abdul Halim, 2008). Ini adalah kerana struktur gender gramatikal dalam B1 dan B2 pelajar adalah jauh lebih mudah dari yang didapati dalam bahasa Perancis. Justeru itu, pengkaji berminat untuk mendedahkan isu gender dalam pembelajaran bahasa Perancis. Walaupun isu ini pada amnya dipandang remeh dan tidak signifikan oleh seseorang yang mempelajari bahasa Perancis, tetapi jika dilihat dari reaksi penutur asal, ia sering kali mengakibatkan ketidakfahaman mesej yang cuba disampaikan (Surridge, 1996).

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini secara amnya akan melihat tahap kepekaan dan aplikasi gender gramatikal bahasa Perancis oleh pelajar universiti. Pengkaji juga ingin mengenal pasti strategi yang digunakan oleh pelajar dalam pemerolehan gender gramatikal.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap kepekaan pelajar tentang gender gramatikal bahasa Perancis?
2. Adakah aplikasi gender gramatikal oleh pelajar bahasa Perancis adalah secara menyeluruh?
3. Apakah strategi yang digunakan oleh pelajar dalam pemerolehan gender gramatikal bahasa Perancis?

### **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini tidak mengambil kira gender dan B1 responden dalam analisis yang dilakukan, disebabkan perbezaan peratusan kedua-dua gender agak besar dan jumlah sampel yang agak kecil. Pengkaji juga tidak membuat analisis yang mendalam terhadap ayat yang tidak mempunyai kesilapan gender grammatikal dalam kerana kajian ini lebih kepada analisis kesilapan yang melibatkan ayat yang mempunyai kesilapan gender grammatikal.

### **RESPONDEN**

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar elektif bahasa Perancis berbangsa Melayu, Cina dan India yang berumur antara 19 hingga 23 tahun. Jumlah responden adalah seramai 60 orang iaitu 48 pelajar Cina, sembilan pelajar Melayu dan tiga pelajar India. Responden mempunyai latar belakang bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda dan bahasa kedua, di samping sesetengah dari mereka mempunyai B1 lain seperti bahasa Tamil dan bahasa Cina. Dalam kajian ini, pengkaji membuat

analisis hanya dengan mengambil kira bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, iaitu bahasa dominan responden dalam pembelajaran mereka secara formal semasa di universiti.

### SOAL SELIDIK

Soal selidik berbentuk soalan digubal adalah berdasarkan perkataan dan ayat yang dipelajari sepanjang pembelajaran bahasa Perancis responden. Sebanyak 20 ayat telah disediakan. Ayat-ayat ini merupakan ayat mudah dan ayat kompleks yang mempunyai struktur gender gramatikal dan gender natural. Responden dikehendaki menganalisis ayat tersebut dan menyatakan sama ada ia betul dari segi gender gramatikalnya ataupun tidak, dan membuat pembetulan bila perlu. Kesemua ayat yang diberikan telah dipelajari oleh responden daripada segi perbendaharaan kata dan strukturnya. Daripada 20 ayat tersebut, 10 ayat telah diubah supaya mempunyai kesilapan gender yang perlu diperbetulkan oleh responden. Ini adalah untuk menguji sensitiviti responden terhadap kesilapan yang terdapat dalam ayat tersebut. Ayat yang sepatutnya tidak diperbetulkan oleh responden (kerana tiada kesilapan atribusi gender) adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2. Senarai ayat tanpa pembetulan di kertas soalan

No ayat	Ayat tanpa pembetulan & terjemahannya dalam bahasa Melayu
9	Anne visite toute la ville à pied (Anna melawat keseluruhan bandar dengan berjalan)
16	Est-ce que vous avez un dernier conseil ? (Adakah anda mempunyai nasihat terakhir?)
19	Il a acheté une voiture verte. (Dia telah membeli kereta baru berwarna hijau)
2	Ils se regardent dans la glace. (Mereka melihat diri sendiri di dalam cermin)
5	J'ai pris une pizza et des pâtes. (Saya telah mengambil satu pizza dan sedikit pasta)
18	J'aime bien le théâtre et le cinéma. (Saya sangat menyukai teater dan wayang)
8	Le 14 Juillet, nous sommes allés dans une boîte pour célébrer. (Pada 14 haribulan Julai, kami telah ke kelab malam untuk meraikannya)
20	On mange de la glace à la plage. (Kami makan aiskrim di pantai)
14	On veut acheter un cadeau pour Marc. (Kami hendak membeli satu hadiah untuk Mark)
15	Vous voulez être belle sur la plage pendant les vacances ? (Anda mahu kelihatan cantik di pantai semasa cuti?)

Ayat tanpa kesilapan atribusi gender pula mempunyai gender gramatikal yang dikaitkan dengan artikel kata sifat dan kata pertanyaan. Ayat tersebut adalah seperti yang tertera di dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Senarai ayat dengan pembetulan di kertas soalan

No. ayat	Ayat dengan kesilapan gender & terjemahan dalam bahasa Melayu (kesilapan dihitamkan)	Pembetulan ayat & kategori pembetulan (pembetulan dihitamkan)
3	Ces chaussures sont <b>jolis</b> , non ? ( <i>Kasut ini cantik kan?</i> ) Cette année, nous célébrons notre anniversaire sur <b>une</b> bateau.	Ces chaussures sont <b>jolies</b> , non ? (pembetulan kata sifat) Cette année, nous célébrons notre anniversaire sur <b>un</b> bateau. (pembetulan artikel)
10	( <i>Tahun ini, kami meraikan hari ulangtahun kami di atas sebuah kapal</i> ) Etienne et moi avons passé <b>un excellent</b> soirée.	Etienne et moi avons passé <b>une excellente</b> soirée. (pembetulan kata sifat & artikel)
7	( <i>Etienne dan saya telah melalui satu malam yang sangat baik</i> ) J'achète <b>un</b> bouteille de coca.	J'achète <b>une</b> bouteille de coca. (pembetulan artikel)
1	( <i>Saya membeli satu botol coke</i> ) Je trouve <b>une</b> billet de 5 Ringgit.	Je trouve <b>un</b> billet de 5 Ringgit. (pembetulan artikel)
12	( <i>Saya menjumpai sekeping nota 5 Ringgit</i> ) La cuisine de ce restaurant est <b>bon</b> .	La cuisine de ce restaurant est <b>bonne</b> . (pembetulan kata sifat)
4	( <i>Makanan di restoran ini adalah sedap</i> ) <b>Le</b> chambre est près de la piscine.	<b>La</b> chambre est près de la piscine. (pembetulan artikel)
11	( <i>Bilik ini berdekatan dengan kolam renang</i> ) Marie a passé <b>un</b> très <b>bon</b> journée.	Marie a passé <b>une</b> très <b>bonne</b> journée. (pembetulan kata sifat & artikel)
6	( <i>Mary telah melalui satu hari yang sangat baik</i> ) <b>Quels</b> sont vos activités <b>préférés</b> ?	<b>Quelles</b> sont vos activités <b>préférées</b> ? (Pembetulan kata pertanyaan & kata sifat)
17	( <i>Apakah aktiviti kesukaan anda?</i> ) Vous voulez travailler avec des personnes <b>étrangers</b> ?	Vous voulez travailler avec des personnes <b>étrangères</b> ? (pembetulan kata sifat)
13	( <i>Adakah anda mahu bekerja dengan warga asing?</i> )	

Ayat dalam Jadual 2 bertujuan untuk menilai sensitiviti responden terhadap atribusi gender. Jika responden tidak melakukan sebarang pembetulan, mereka boleh dianggap peka bahawa ayat tersebut tidak memerlukan pembetulan.

Untuk kesemua ayat yang telah diberikan, responden diminta menandakan (✓) jika tiada terdapat kesilapan gender gramatikal, dan (X) jika ayat yang diberikan mempunyai kesilapan gender. Responden harus membuat pembetulan yang sesuai di petak yang disediakan dengan menulis ayat yang sepatutnya. Sebagai contoh :

Contoh:

	✓	X	Pembetulan :
Elle est <b>un acteur</b> très <b>connu</b> .		X	Elle est <b>une actrice</b> très <b>connue</b> .
Ils sont très <b>beaux</b> tous les deux.	✓		-
La <b>belle dame</b> a <b>un</b> voiture <b>blanc</b> .		X	La belle dame a <b>une</b> voiture <b>blanche</b>

Selanjutnya, pengkaji menggunakan analisis kesilapan untuk mengkaji pemerolehan gender gramatikal oleh responden. Dengan menggabungkan *Surface Strategy Taxonomy* oleh Dulay, Burt dan Krashen (1982) dan *Error Taxonomy* oleh James (1998), pengelasan kesilapan telah dilakukan dan strategi yang digunakan diuraikan. Taksonomi kesilapan oleh Dulay, Burt dan Krashen (1982) melibatkan kesilapan pengurangan, kesilapan penambahan dan kesilapan penyusunan; sementara *Error*

*Taxonomy* oleh James (1998) pula melibatkan kesilapan pemilihan. Kesilapan pengurangan di sini merujuk kepada kesilapan di mana elemen yang penting untuk menghasilkan struktur yang sempurna telah diabaikan. Sebagai contoh:

*La joli femme parle de son chien.* (contoh pengkaji sendiri)  
(Perempuan cantik itu bercakap tentang anjingnya.)

Di sini kesalahan pengurangan yang dilakukan adalah pada kata sifat *joli* yang merujuk kepada gender subjek yang dinyatakan iaitu *la femme*. Kata sifat yang sepatutnya digunakan adalah *jolie* untuk dipadankan dengan subjek *la femme* tersebut.

Kesilapan penambahan pula berpunca dari penggunaan peraturan tertentu secara berleluasa (Dulay, Burt & Krashen, 1982, hlm. 156) dan penambahan elemen yang tidak diperlukan atau tidak betul (Yap, 1973, hlm. 277). Dalam kes gender gramatikal dalam bahasa Perancis contohnya, kesalahan pelajar adalah seperti berikut :

*Il parle de ses soeurs jumeaux\*.* (contoh pengkaji sendiri)  
(Dia bercakap mengenai kakak **kembarnya**.)

Kesilapan penyusunan dalam kajian ini merujuk kepada takrifan Dulay, Burt & Krashen (1982:162) iaitu kesilapan yang disebabkan oleh ketidakpekaan kepada peraturan struktur:

... “*Word for word translations of native language surface structure*” ...

## ANALISIS DATA

Dalam kajian ini, pengkaji ingin menguji kefahaman responden mengenai gender gramatikal, dan sama ada ia dapat diaplikasi secara keseluruhannya atau tidak. Pengkaji juga ingin mengenal pasti strategi yang digunakan dalam pemerolehan gender gramatikal oleh responden.

### ANALISIS KEPEKAAN DAN APLIKASI GENDER GRAMATIKAL

Kefahaman gender dilihat dengan mengambil kira kewujudan artikel, kala lampau, kata sendi, kata preposisi dan varian.

### ANALISIS AYAT TANPA KESILAPAN GENDER

Bagi kepekaan ayat tanpa kesilapan gender, pengkaji menilai kepekaannya dari peratus penandaan ( $\sqrt{\quad}$ ) di petak betul seperti di dalam Jadual 4:

JADUAL 4. Ketepatan jawapan di petak betul bagi ayat tanpa kesilapan gender

No. ayat	%
9	76.7
16	81.7
19	83.3
2	95
5	63.3
18	55
8	80

20	83.3
14	76.7
15	83.3
<b>Purata</b>	<b>77.8</b>

Secara keseluruhannya, untuk ayat tanpa kesilapan gender, sebanyak 77.8% dari responden telah menjawab dengan betul. Ini bermakna 77.8 % memperlihatkan mempunyai sekurang-kurangnya *kesedaran minimum* tentang atribusi gender gramatikal yang betul.

#### ANALISIS AYAT DENGAN KESILAPAN GENDER

Bagi ayat dengan kesilapan gender gramatikal pula, pengkaji melihat kepekaan responden dengan membuat perincian peratus penandaan (X) di petak betul. Perincian ini adalah seperti berikut :

JADUAL 5. Ketepatan jawapan untuk ayat-ayat dengan kesilapan gender

No. ayat	Bil jawapan dalam petak yang betul (n/60)	%
3	32	53.3
10	39	65
7	37	61.7
1	38	63.3
12	30	50
4	23	38.3
11	41	68.3
6	37	61.7
17	26	43.3
13	16	26.7
<b>Purata</b>	<b>31.9</b>	<b>53.2</b>

Didapati dari Jadual 8, hanya 53.2% daripada responden dapat mengenal pasti kesilapan pada ayat tersebut. Ini merupakan suatu yang amat membimbangkan : ia memberi indikasi bahawa jika responden diberikan ayat bergender gramatikal, hanya 50% yang akan dapat menyatakan kesilapan gender ayat tersebut. Dalam kajian ini, peratus ketidakpekaan responden yang paling minimum adalah melibatkan kata sifat, partikel dan artikel. Bagaimanapun, penandaan di dalam petak jawapan yang betul bukanlah sesuatu yang konkrit untuk kita ambil sebagai kayu ukur atribusi gender yang bertepatan. Oleh yang demikian, pengkaji melihat pembedaan ayat untuk mengukur tahap kepekaan responden.

Pengkaji telah membahagikan sepuluh soalan kepada dua pengkelasan. Pengkelasan pertama melibatkan tujuh ayat mudah di mana pembedaan atribusi gender hanya pada kata nama atau kata sifat. Ayat yang diberikan hanya perlu diperbetulkan kata nama atau kata sifat mengikut gender yang diberikan dalam ayat tersebut. Perincian pembedaan atribusi gender dalam ayat mudah adalah seperti berikut :



JADUAL 6. Ketepatan atribusi gender bagi ayat berciri gender gramatikal mudah

No ayat	Tanda di petak betul, tiada pembedulan		Tanda betul, pembedulan salah		Tanda betul, pembedulan betul		Tanda salah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
3	1	1.7	2	3.4	29	48.3	28	46.7
1	3	5.0	4	6.7	31	52	22	36.7
12	3	5.0	1	1.7	26	43.3	30	50
4	4	6.7	5	8.3	14	23.3	37	61.7
11	0	0.0	2	3.3	39	65	19	31.7
13	0	0.0	6	10	10	16.7	44	73.3
<b>Purata</b>	<b>1.7</b>	<b>2.9</b>	<b>2.9</b>	<b>4.8</b>	<b>26.7</b>	<b>44.5</b>	<b>28.7</b>	<b>47.9</b>

Didapati daripada 52.1% responden yang menanda di petak yang betul, hanya 44.5% sahaja (26 responden) dapat memberikan atribusi gender gramatikal dengan tepat. Ini bermakna 7.6% responden yang selebihnya hanya mengagak bahawa terdapat kesilapan di dalam ayat yang diberikan tetapi masih tidak mencapai tahap di mana mereka boleh mengenal pasti di mana letaknya kesilapan tersebut.

Responden juga dilihat lebih peka dengan atribusi gender gramatikal pada kata nama berbanding kata sifat. Daripada jadual di atas, purata peratusan pembedulan yang tepat pada kata nama (ayat 1, 10, 11, 12 dan 13) yang mempunyai kesilapan gender adalah lebih tinggi (55.9%) berbanding dari peratusan pembedulan pada kata sifat (ayat 3 dan 4) yang sebanyak 29.4%. Dapatan bahawa 70% daripada responden masih tidak memberi atribusi gender gramatikal kepada kata sifat ini menyokong teori Dewaele dan Véronique (2001) bahawa pelajar lebih sensitif dan lebih mudah mempelajari gender gramatikal ke atas artikel kata nama dari kata sifat.

Untuk melihat kesinambungan dapatan kajian ini, analisis ayat dengan ciri gender gramatikal yang lebih kompleks telah diberikan kepada responden, yang memerlukan kepekaan dan pemahaman aplikasi gender gramatikal yang lebih tinggi. Perincian keseluruhan pembedulan atribusi gender pada struktur ayat kompleks disimpulkan seperti di dalam Jadual 10 :

JADUAL 7. Ketepatan atribusi gender bagi ayat berciri gender gramatikal kompleks

	Tanda di petak betul, tiada pembedulan		Tanda di petak betul, pembedulan salah		Tanda di petak betul, pembedulan separa		Tanda di petak betul, semua pembedulan betul		Tanda di petak salah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
7	2	3.3	7	11.7	18	30	10	16.7	23	41.7
6	1	1.7	1	1.7	15	25	20	33.3	23	31.7
17	4	6.7	2	3.3	10	16.7	10	20	34	53.3
<b>Purata</b>	<b>2.3</b>	<b>3.9</b>	<b>3.3</b>	<b>5.6</b>	<b>14.3</b>	<b>23.9</b>	<b>13.3</b>	<b>38.9</b>	<b>26.7</b>	<b>44.4</b>

Didapati untuk ayat berciri gender lebih kompleks, hanya 1/3 daripada keseluruhan responden (38.9%) yang dapat memberikan atribusi yang sepenuhnya kepada ayat yang diberikan. Ini bermakna hanya 30% daripada responden dapat mengaplikasikan secara

ISSN: 1675-8021

keseluruhan peraturan atribusi gender ini. Terdapat juga aplikasi yang tidak menyeluruh terhadap atribusi gender gramatikal iaitu sebanyak 25.6%. Responden di sini mempunyai kepekaan terhadap gender tetapi agak lemah dari bentuk gender gramatikal yang lengkap.

#### ANALISIS KESILAPAN APLIKASI GENDER AYAT DENGAN PEMBETULAN

Bagi ayat dengan pembetulan, pengkaji menggunakan kaedah yang sama iaitu melihat dari segi ketepatan atribusi gender dan kesilapan yang dilakukan. Perincian analisis adalah seperti berikut :

JADUAL 8. Frekuensi dan peratusan kesilapan bagi ayat dengan pembetulan

No	Atribusi gender tepat		Kesilapan pengurangan		Kesilapan penambahan		Kesilapan pemilihan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
3	32	53.3	28	46.7	0	0.0	0	0.0
10	29	48.3	10	16.7	2	3.3	19	31.7
7	16	26.7	25	41.7	2	3.3	17	28.3
1	38	63.3	10	16.6	1	1.7	11	18.3
12	30	50.0	24	40.0	6	10.0	0	0.0
4	23	38.3	25	41.7	4	6.7	8	13.3
11	41	68.3	10	16.7	3	5.0	6	10.0
6	23	38.3	20	33.3	1	1.7	16	26.7
17	15	25.0	31	51.6	0	0.0	4	6.67
13	16	26.7	27	45.0	4	6.7	13	21.7
<b>Purata</b>	<b>26.3</b>	<b>43.8</b>	<b>21.0</b>	<b>35.0</b>	<b>2.3</b>	<b>3.8</b>	<b>9.4</b>	<b>15.7</b>

Didapati bagi soalan dengan pembetulan, peratusan atribusi gender gramatikal yang tepat adalah rendah, di mana hanya 43.8% dari responden dapat mengaplikasikan kefahaman mereka. Kesilapan yang paling banyak dilakukan adalah kesilapan pengurangan (35.0%) dan kesilapan pemilihan (15.7%). Bagi kesilapan penambahan, peratusan kesilapan adalah rendah (3.8%).

#### ANALISIS KESILAPAN PENAMBAHAN AYAT DENGAN PEMBETULAN

Kesilapan penambahan secara keseluruhannya melibatkan kesilapan penambahan terhadap gender kata nama dan ganti nama diri, kata kerja dan *de* dalam ekspresi kuantiti seperti berikut:

JADUAL 9. Jenis dan contoh ayat-ayat bergender dengan kesilapan penambahan

Jenis kesilapan penambahan	Contoh kesilapan yang dilakukan oleh responden
1. Kesilapan ke atas kata kerja	S6 : Marie a <u>passée</u> un très bon journée. S7 : Etienne et moi avons <u>passées</u> un excellent soirée.
2. Kesilapan ke atas preposisi <i>de</i>	S1 : J'achète un bouteille <u>du</u> coca. S11 : Le chambre est près <u>du</u> piscine.

Kesilapan ini berpunca dari faktor yang sama seperti kesilapan penambahan gender kata nama bagi soalan tanpa pembetulan, iaitu ketidakpekaan atribusi gender dan meletakkan

atribusi tersebut secara rambang. Jika kita juruskan lagi pemerhatian terhadap kesilapan yang dilakukan, kita akan perhatikan bahawa terdapat satu lagi kesilapan yang agak ketara bagi kesilapan penambahan ini, iaitu kesilapan yang melibatkan *de* pada ekspresi kuantiti.

Didapati kesilapan preposisi *de* yang ditukarkan kepada *du* adalah disebabkan responden mengikut gender gramatikal pada kata nama yang dihubungkan kepadanya. Ia berpunca daripada ketidakfahaman responden terhadap peraturan yang melibatkan ungkapan kuantiti (*expression de quantité*), di mana preposisi *de* tidak ditukarkan mengikut gender kata nama apabila terdapat kata penghubung kuantiti tersebut. Justeru itu, kesilapan ayat “J'achète un bouteille *du* coca” dan ayat “Le chambre est près *du* piscine” bukanlah disebabkan oleh ketidakpekaan para responden terhadap gender kata nama, tetapi adalah berpunca generalisasi terlampau aplikasi gender kata nama. Kesilapan penambahan terhadap kata kerja juga mempunyai dapatan sama seperti dapatan dari soalan tanpa pembedaan, iaitu responden membuat dua kesilapan: kesilapan yang melibatkan ketidakfahaman terhadap peraturan kata kala lampau dan kesilapan yang melibatkan atribusi gender kepada partisip lampau dengan merujuk kepada gender pada artikel kata nama.

#### ANALISIS KESILAPAN PENGURANGAN AYAT DENGAN PEMBETULAN

Analisis kesilapan pengurangan ini dilihat dari segi kesilapan pengurangan bagi ayat mudah (rujuk Jadual 9) dan kesilapan pengurangan ayat yang mempunyai ciri gender yang kompleks (rujuk Jadual 10). Didapati kesilapan pengurangan merupakan kesilapan yang paling signifikan (sebanyak 35%) bagi ayat yang memerlukan pembedaan. Bagi ayat dengan pembedaan mudah, kesilapan pengurangan adalah berpunca dari ketidakpekaan responden terhadap pentingnya atribusi gender gramatikal yang menyebabkan responden mengabaikan pembedaan atribusi gender secara langsung. Namun, ia bukanlah satu peratusan yang membimbangkan (31.3%) jika dibandingkan dengan kesilapan ayat berciri gender gramatikal kompleks (rujuk Jadual 10) yang memerlukan pembedaan dari segi atribusi gender pada artikel kata nama dan kata sifat (42.2%).

Kesilapan pengurangan ayat dengan ciri gender gramatikal kompleks ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu kesilapan pengurangan menyeluruh dan kesilapan pengurangan separa. Di sini pengurangan menyeluruh melibatkan kesilapan pada seluruh ciri gender gramatikal, manakala pengurangan separa pula melibatkan sebahagian ciri gender gramatikal. Daripada 35% responden yang melakukan kesilapan pengurangan, 23.9% (dari Jadual 9) melakukan kesilapan separa. Ini bererti hanya 11.1% daripada keseluruhan responden yang betul-betul tidak peka dengan atribusi gender ini, sementara 23.9% lagi mempunyai kesedaran tentang peraturan gender gramatikal ini, cuma ianya tidak diaplikasikan secara menyeluruh. Kesilapan pengurangan yang dilakukan adalah seperti berikut :

JADUAL 10. Jenis dan contoh ayat-ayat bergender dengan kesilapan pengurangan

Jenis kesilapan pengurangan	Contoh kesilapan pengurangan
Kesilapan ke atas kata sifat, kata soal dan artikel	S6 : Marie a passé un très <b>bonne</b> journée (kesilapan separa).
	S6 : Marie a passé <b>un</b> très <b>bon</b> journée (kesilapan menyeluruh).
	S7 : Etienne et moi avons passé un <b>excellente</b> soirée. (kesilapan separa).
	S7 : Etienne et moi avons passé <b>un excellent</b> soirée. (kesilapan menyeluruh).
	S17 : Quelles sont vos activités <b>préférés</b> ? (kesilapan separa).
	S17 : <b>Quels</b> sont vos activités <b>préférés</b> ? (kesilapan menyeluruh).

Responden dilihat membuat pembetulan separa sama ada hanya pada kata sifat atau pada kata bilangan, tetapi tidak pada kedua-dua sekali. Ini menampakkan bahawa kesedaran terhadap aplikasi gender wujud dalam kalangan responden tetapi ianya tidak menyeluruh.

#### ANALISIS KESILAPAN PEMILIHAN AYAT DENGAN PEMBETULAN

Pengkaji mendapati secara keseluruhan kesilapan pemilihan bukanlah merupakan satu masalah yang besar (12% bagi ayat berciri gender mudah dan 19% bagi ayat berciri gender kompleks) tetapi merupakan implikasi daripada kesilapan penambahan yang dilakukan oleh responden. Kesilapan pemilihan adalah kesilapan penambahan pada kedudukan ayat yang tidak sepatutnya diperbetulkan. Ianya melibatkan kesilapan pemilihan kata kerja dan kata penghubung *de* (rujuk Jadual 14).

JADUAL 11. Jenis dan contoh ayat-ayat bergender dengan kesilapan pemilihan

Jenis kesilapan pemilihan	Contoh kesilapan pemilihan
Kesilapan ke atas gender artikel kata nama dan adjektif penunjuk	S4 : <b>Le</b> cuisine de <b>cette</b> restaurant est bon.
Kesilapan terhadap preposisi	S10 : <b>Cet</b> année, nous célébrons notre anniversaire sur une bateau
	S12 : Je trouve une billet de 5 Ringgit.

#### RUMUSAN ANALISIS ANALISIS KESILAPAN ATRIBUSI GENDER

Secara keseluruhannya, kesilapan atribusi gender adalah disebabkan ketidakpekaan dan ketidakfahaman responden tentang gender dan aplikasinya. Ini menyebabkan responden membuat rumusan mereka sendiri dan mengaplikasikan gender gramatikal dengan kefahaman yang tidak menyeluruh dan dicampur adukkan dengan kefahaman terhadap unsur lain semasa pembelajaran mereka. Perkara ini akan membawa kepada ketidakfahaman yang lebih kompleks apabila mereka diberikan atau mempelajari ayat yang mempunyai ciri gender gramatikal lebih kompleks.

Responden didapati tidak peka kepada indikasi gender yang ketara bagi akhiran kata nama atau kata sifat. Mereka juga mempunyai kesedaran tentang kewujudan gender gramatikal ini tetapi tidak diaplikasikan secara sepenuhnya pada kata sifat dan penjodoh bilangan. Puncanya adalah sama seperti masalah atribusi gender pada kata sifat, iaitu generalisasi terlampau disebabkan pengaruh bahasa dominan responden (bahasa Melayu dan Inggeris). Masalah yang agak serius juga berpunca dari ketidakfahaman tentang penggunaan kala lampau dengan kata kerja bantu *être* atau *avoir* yang betul dan atribusi

gender kepada partisip lampau menyebabkan atribusi gender diberikan sewenang-wenangnya.

### **JENIS STRATEGI YANG DIGUNAKAN OLEH PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN GENDER**

Daripada kesilapan yang dilakukan, didapati beberapa strategi yang dilihat digunakan oleh responden dalam pembelajaran gender gramatikal ini.

#### **INDIKASI AKHIRAN KATA NAMA**

Penggunaan strategi adalah bagi kata nama yang mempunyai akhiran tertentu. Contohnya, kata nama dengan akhiran *-ette* dilihat digunakan oleh para pelajar sebagai satu penentuan gender kata nama. Namun begitu, strategi akhiran kata nama ini tidak diaplikasikan dengan menyeluruh, tetapi hanya pada akhiran tertentu sahaja. Dapatan ini menyokong dapatan Finnemann (1992) yang mendapati pelajar yang B1-nya bahasa Inggeris telah memberikan penyesuaian dan atribusi gender bagi kata nama bahasa Sepanyol yang berakhir dengan *-o* atau *-a* dari akhiran yang lain.

#### **GENERALISASI MELAMPAU**

Responden didapati menggeneralisasikan kata nama jamak seperti dalam bahasa Inggeris yang membolehkan pengabaian penggunaan artikel. Ini menyebabkan mereka melakukan kesilapan pengurangan artikel kata nama. Masalah kurang pemahaman mengenai gender gramatikal pada kala lampau juga menyebabkan pelajar membuat generalisasi dan melakukan kesilapan penambahan pada kata kerja bantu *avoir*. Generalisasi melampau ini, menurut Richards (1971), adalah percubaan para pelajar yang mengandaikan bahawa tatabahasa bahasa yang dipelajari adalah sama seperti bahasa asal penutur.

Strategi generalisasi melampau ini disebabkan responden menggunakan strategi komunikasi tulisan iaitu strategi penghampiran. Menurut Tarone (1977), strategi ini diaplikasikan dengan menggunakan kosa kata atau struktur bahasa sasaran yang mempunyai fitur semantik yang sama.

Generalisasi melampau pada artikel dan kata milik pula adalah disebabkan bahasa Perancis mempunyai struktur kata sendi yang hampir serupa dengan bahasa Inggeris, cuma ianya diperlengkapkan lagi dengan atribusi gender yang dikaitkan kepadanya

#### **TERJEMAHAN DARI BAHASA DOMINAN**

Pengaruh B1 dan B2 merupakan satu aspek yang tidak terkecuali dalam pembelajaran gender gramatikal. Towell dan Hawkins (1994, hlm. 7) menyatakan dalam pemerolehan B2 terdapat pemindahan unsur tatabahasa B1 kepada tatabahasa B2 pada tahap permulaan pembelajaran. Dalam kajian ini, terjemahan melibatkan atribusi gender kata sifat pada amnya pada objek bernyawa dan mengabaikan objek tak bernyawa. Ia juga melibatkan gender yang dihubungkan dengan kata sendi, kata penghubung dan kata milik. Justeru itu mereka terdorong untuk melakukan kesilapan pemilihan dan pengurangan.

### PENENTUAN GENDER DENGAN MERUJUK PADA GANTI NAMA DIRI

Responden juga menggunakan strategi rujukan pada ganti nama diri yang membawa kepada kesilapan penambahan terhadap subjek. Di sini responden memberikan atribusi gender pada kata nama mengikut gender kata ganti nama diri yang ada di dalam ayat dan bukannya mengikut kata nama yang dihubungkan kepadanya. Hazlina Abdul Halim (2011) menamakan strategi ini sebagai strategi penggunaan perkataan semua tujuan yang digunakan dengan merujuk kepada sesuatu kata nama dan menggeneralisasikan artikel dan bentuk kata tertentu yang dikaitkan dengan kata nama tertentu, tanpa mengambil kira peraturan dan konteks di mana kosa kata tersebut sepatutnya digunakan.

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kanak-kanak penutur asal bahasa Perancis dilihat jarang melakukan kesalahan gender dalam ayat mereka (Surrige, 1996). Asas ini seharusnya menjadi persoalan dan sekaligus inspirasi pengajar dalam menangani masalah pembelajaran gender. Faktor yang menyebabkan kanak-kanak ini jarang melakukan kesalahan gender adalah kerana mereka mempelajari perbendaharaan kata dan gender pada masa yang sama. Mereka juga menyukai deskripsi yang panjang-lebar dan akan menggunakan pelbagai kata sifat untuk dikaitkan dengan kata nama (Surrige, 1996). Mereka lebih suka mendengar tentang “*une belle petite maison blanche*” daripada “*une belle maison*”. Oleh yang demikian, mereka akan menggunakan kata sifat secara optimum.

Justeru itu, pemilihan kata sifat semasa proses pembelajaran adalah penting. Jika dibandingkan, pemilihan kata sifat oleh pelajar adalah berbeza, di mana pelajar dewasa lebih cenderung menggunakan kata sifat yang tiada perubahan bentuk dan sebutan untuk kata nama maskulin dan feminin seperti *magnifique*, *formidable*. Ini adalah disebabkan persamaannya dalam bahasa Inggeris. Pelajar dewasa mencari persamaan B2 untuk diterapkan ke dalam pembelajaran bahasa asing mereka dan timbullah pelbagai masalah yang datang dari bahasa dominan dan bahasa sasaran mereka. Di sini pengkaji bersetuju dengan Wong dan Lim (2006) yang menyatakan seseorang yang dapat menguatkan kesedaran tentang ciri-ciri unik yang ada pada bahasa asing akan mendapati pemerolehan bahasa asing tersebut akan menjadi semakin natural.

Pengajar juga harus merancang pengajaran dengan teliti agar pemerolehan gender gramatikal optimum dalam kalangan pelajar. Menurut Yamin-Ali (2011), kemahiran merancang silabus yang efektif dan menerapkan silabus tersebut dengan berkesan sepatutnya dibangunkan dengan strategik. Justeru itu, hasil kajian ini menimbulkan beberapa implikasi dan cadangan :

1. Strategi pembelajaran kata nama dengan gendernya sekaligus harus diaplikasikan dan ditekankan oleh para pengajar secara berkali-kali.
2. Strategi elaborasi kata sifat harus digunapakai untuk mempertingkatkan lagi kemahiran pengolahan kata kerja dan penyusunannya, dan memberikan atribusi gender gramatikal yang tepat dalam suatu ayat.
3. Pelajar disyorkan menggunakan kata sifat yang tidak menyerupai bahasa Inggeris dan yang berbeza sebutan dan tulisannya mengikut perubahan gender. Dengan ini perbendaharaan kata para pelajar akan menjadi lebih luas dan memberikan para pelajar lebih banyak latihan dalam menguasai kata sifat.

4. Pelajar sebolehnya tidak membuat terlampau banyak perbandingan bahasa Perancis dengan bahasa Inggeris kerana mereka akan menggeneralisasikan pengetahuan mereka mengikut apa yang lazim mereka praktikkan.

### RUJUKAN

- Corbett, G. (1991). *Gender: A comprehensive look at 200 languages*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Corbett, G. (1994). Gender and gender systems. In R. & Asher, (Eds.). *The encyclopedia of language and linguistics Vol 3*. Oxford: Pergamon Press.
- Dewaele, J.M & Véronique, D. (2001). *Gender assignment and gender agreement in advanced French interlanguage: A cross-sectional study*. Bilingualism, language and cognition.
- Dulay, H.C., Burt, M., Krashen, S. (1982). *Language two*. New York: Oxford University Press.
- Franceschina, F. (2005). *Fossilized second language grammars: The acquisition of grammatical gender*. Amsterdam: John Benjamins.
- Hazlina Abdul Halim. (2011). *Pengaruh Bahasa Melayu dalam Strategi komunikasi tulisan Bahasa Perancis*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Serdang: UPM.
- Hazlina Abdul Halim, Mardewee Endut & Nur Sharydatul Elyza Saharudin (2011). Analisis kepekaan dan aplikasi gender gramatikal Bahasa Perancis dalam kalangan pelajar bahasa asing. *Prosiding SALPBM VII*.
- James, C. (1998). *Errors in language & use*. Harlow : Longman.
- Konishi, T. (1991). *Language and thought: A cross-cultural study on the connotations of gender*. Dissertation Abstracts International.
- Lyons, J. (1968). *Introduction to theoretical linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Oxford, R. L. (1989). Use of language learning strategies: A synthesis of studies with implications for strategy training. *System*. Vol 17(2), 235-247.
- Oxford, R. L. & Cohen, A. D. (1992). Language learning strategies: Crucial issues of concept and classification. *Applied Language Learning*. Vol 3(1-2), 1-35.
- Penelope, J. (1990). *Speaking freely: unlearning the lies of the fathers' tongues*. New York: Pergamon Press.
- Politzer, R. L. (1983). An exploratory study of self-reported language learning behaviors and their relation to achievement. *Studies in Second Language Acquisition*. Vol 6(1), 54-65.
- Richards, J. (1971). Error analysis and second language strategies. *Language Science*. Vol 17, 12-22.
- Richards, J. (1974). *Error analysis: Perspectives on second language acquisition*. London: Longman.
- Surridge, M. (1993). Gender assignment in French: The hierarchy of rules and the chronology of acquisition. *IRAL*. Vol 31(1), 77-95.
- Surridge, M. (1996). *Le ou la? The gender of French nouns*. Clevedon: Multilingual matters.
- Trask, R. (1997). *A dictionary of grammatical terms in linguistics*. London: Routledge.
- Towell R., & Hawkins, R. (1994). *Approaches to SLA*. Clevedon: Multilingual Matters.

Wong, B. E. & Lim, S. N. (2006). Literacy in a foreign language: The learning of French pronouns by ESL learners. *3L Journal of Language Teaching, Linguistics and Literature. Vol 12*, 107-127.

Yamin-Ali, J. (2011). Translating concerns into action in the foreign language classroom. *GEMA Online™ Journal of Language Studies, 11(2)*.

Ensiklopedia Wikipedia. (2001). Muat turun Nov 2011, dari <http://en.wikipedia.org/wiki/2001>, [http://encarta.msn.com/encyclopedia/761564210/English\\_Language.html](http://encarta.msn.com/encyclopedia/761564210/English_Language.html), [http://en.wikipedia.org/wiki/Noun\\_class](http://en.wikipedia.org/wiki/Noun_class)

### **PENULIS**

Dr Hazlina Abdul Halim berkhidmat sebagai pensyarah bahasa Perancis di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang tujahan penyelidikan beliau merangkumi analisis kesilapan, strategi pembelajaran dan strategi komunikasi bahasa Perancis.